

# Hargai usaha penulis dalam Kalam Bitara 2013

BEBERAPA orang penulis yang aktif menerbitkan karya ilmiah dirai serta mendapat penghargaan dalam majlis Kalam Bitara 2013. Dalam majlis itu juga, mereka menerima royalti hasil daripada jualan buku serta karya bermutu masing-masing.

Program anjuran Bahagian Penerbitan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu merupakan susulan daripada beberapa Majlis Pelancaran Buku USIM yang telah diadakan sejak tahun 2003 sehingga 2006.

Majlis berkenaan dilihat mampu memberi peluang kepada bahagian

penerbitan untuk melancarkan buku-buku sehinggalah teretusnya idea untuk memberi penghargaan kepada penulis karya melalui pemberian royalti yang mula diberi pada tahun 2006.

Kriteria pemilihan Anugerah Penghargaan Penerbitan adalah berdasarkan buku terlaris iaitu jualan buku selama setahun dan jumlah buku yang paling banyak diulang cetak.

Selain itu, pemilihan penganugerahan juga berlandaskan penulis prolific iaitu merujuk kepada penulis yang banyak menghasilkan

karya penulisan melalui Penerbit USIM yang telah dinilai sejak tahun 2011 sehingga 2013.

Majlis berkenaan turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk



PROF. Datuk Dr. Asma Ismail (kanan) menyampaikan Anugerah Penulis Profilik Bahasa Melayu kepada Dr. Mohd. Rumaizuddin Ghazali.

Dr. Asma Ismail dan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr. Mustafa Mohd. Hanefah.

